

12 JUN 2003

Ong-Pinda

KEMENTERIAN KAJI PINDA UNDANG-UNDANG BOLEHKAN KAKITANGAN PBT DITUKAR

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang mengkaji untuk meminda undang-undang bagi membolehkan kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ditukarkan ke mana-mana agensi di bawah PBT berlainan dalam negeri yang sama.

Menterinya, Datuk Seri Ong Ka Ting berkata kini bidangkuasa PBT terletak di bawah kerajaan-kerajaan negeri dan kementerian hanya boleh memberikan panduan dan nasihat kepada PBT dalam melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab.

Menurut beliau melalui pindaan itu juga urusan penyeliaan dan pelaksanaan perkhidmatan di dalam PBT akan menjadi lebih berkesan selain dapat mempercepatkan proses kelulusan sesuatu permohonan.

Mana-mana kakitangan PBT yang tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab mengikut prosedur kerja serta menyeleweng sememangnya boleh dikenakan tindakan disiplin, katanya

"Ini sebahagian daripada usaha yang kita lakukan. Kini pihak kementerian sedang berbincang dengan pejabat Peguam Negara untuk meminda undang-undang itu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan "Supreme Card", kad bonus hasil kerjasama Nanyang Online dengan Genting Worldcard Services di sini, hari ini.

Ong berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kakitangan PBT yang menyeleweng boleh dipecat.

Ong berkata dengan pindaan itu ia juga akan memberi kesan kepada undang-undang di peringkat Kerajaan Persekutuan dan PBT akan mempunyai kuasa yang lebih ke atas kakitangannya.

Ong menjelaskan bahawa ketika ini seseorang kakitangan PBT tidak boleh ditukarkan ke mana-mana PBT yang berlainan walaupun individu terbabit merupakan kakitangan yang "kaku" atau tidak produktif.

Dengan pindaan undang-undang ini juga, mana-mana kakitangan yang "kaku" boleh ditukarkan ke agensi yang berlainan di bawah PBT dalam negeri yang sama supaya perkhidmatan yang diberikan oleh PBT itu lebih efisien, katanya.

Sementara itu, Ong juga berkata satu garis panduan berhubung pembinaan tandas yang "mesra pengguna" juga akan dikeluarkan kementerian itu tidak lama lagi.

Katanya, sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Peter Chin Fah Kui sedang mengubal garis panduan itu termasuk mekanisme untuk mendidik orang awam menjaga kebersihan tandas-tandas awam.

Kita juga mahu supaya bangunan baru dan pihak hotel membina tandas mengikut garis panduan itu yang memberi keutamaan kepada orang-orang tua, mereka yang cacat, wanita mengandung dan orang Islam, katanya.

--BERNAMA

RAM RV ZB